

D612

U B664 BAH  
MAHATHIR - RAKYAT

ALOR SETAR, 23 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA WAKIL-WAKIL RAKYAT PERLU MEMBENDUNG NAFSU DAN TIDAK BOLEH MENGGUNAKAN KUASA SEWENANG-WENANGNYA UNTUK KEPENTINGAN DIRI.

BELIAU BERKATA, DALAM NEGARA YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI, RAKYAT DAN WAKIL RAKYAT, TERMASUK DARIPADA KALANGAN PEMBANGKANG, PERLU TAHU TUGAS DAN PERANAN MASING-MASING UNTUK KEBAIKAN NEGARA.

SEKIRANYA MEREKA MENGIKUT NAFSU DAN KEPENTINGAN DIRI SEMATA-MATA, NEGARA AKAN MENANGGUNG AKIBATNYA APABILA BERLAKU HURU-HARA, KATANYA KEPADA KIRA-KIRA 2,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN PADA PERJUMPAAN DI DEWAN DATUK SYED OMAR, DI SINI PETANG INI.

+PEMBANGKANG PUN ADA TANGGUNGJAWABNYA. KALAU MEREKA MAHU MEMAINKAN SENTIMEN RAKYAT DAN MEMBAKAR SEMANGAT PERKAUMAN, MEREKA BOLEH, TETAPI KALAU MEREKA BUAT, MEREKA JUGA YANG AKAN MENERIMA KESAN KEBURUKAN DARIPADA TINDAKAN MEREKA ITU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SELAIN DARIPADA PEMIMPIN, RAKYAT JUGA PERLU TAHU AKAN HAK DAN HAD KUASA YANG ADA DI TANGAN MEREKA DI BAWAH SISTEM DEMOKRASI. -- LAGI  
1813MST 23 11 89

D622

U B666 BAH  
MAHATHIR - RAKYAT 2 ALOR SETAR

KATANYA, RAKYAT BERHAK MENGGULINGKAN PEMIMPIN TETAPI DI NEGARA INI BIARLAH KUASA UNTUK MENGGULINGKAN PEMIMPIN ITU DIGUNAKAN UNTUK MENJATUHKAN PEMIMPIN YANG TIDAK MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN BAIK.

+ITU PUN DENGAN CARA YANG TERTIB DAN BUKAN DENGAN CARA PEMBERONTAKAN,+ KATANYA.

DALAM UCAPANNYA SELAMA KIRA-KIRA SEJAM, DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA BERSYUKUR ATAS KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN YANG SEDANG DIKECAPI OLEH NEGARA.

BELIAU BERKATA KEADAAN NEGARA PADA MASA INI ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA KEADAAN SEMASA DAN SEBELUM ZAMAN PENJAJAHAN TETAPI KEAMAAN YANG DICAPAI ITU BUKAN DATANG BEGITU SAHAJA, TETAPI DIIKHTIARKAN.

KATANYA, DENGAN MEMAHAMI PERANAN SERTA TUGAS MASING-MASING DAN RAKYAT BEKERJA DENGAN LEBIH KERAS LAGI, NEGARA AKAN LEBIH MAKMUR DARI SEKARANG. -- LAGI  
1831MST 23 11 89

D624

U B667 BAH  
MAHATHIR - RAKYAT 3 ALOR SETAR

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KATANYA, KERAJAAN AKAN MELANCARKAN SATU KEMPEN BARU UNTUK MENINGKATKAN KUALITI BEKERJA DI NEGARA INI YANG DIPANGGIL +GERAKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG+.

MENGENAI TUNTUTAN KENAIKAN GAJI KAKITANGAN AWAM, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SEDAR RAKYAT SENTIASA MAHU GAJI DINAIKKAN KERANA +TIDAK ADA ORANG YANG BERASA GAJINYA SUDAH CUKUP+.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA GAJI KAKITANGAN KERAJAAN AKAN DINAIKAN +DENGAN SYARAT MEREKA HENDAKLAH MENJADIKAN NEGARA LEBIH MAKMUR DARI SEKARANG+.

+GAJI KITA AKAN LEBIH SEKIRANYA KERAJAAN BOLEH KUTIP LEBIH BANYAK CUKAI,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MELAKSANAKAN BEBERAPA PROGRAM TERMASUK MENSWASTAKAN BEBERAPA PERKHIDMATAN AWAM KERANA HENDAK MENGURANGKAN BEBAN YANG DIPIKUL OLEH KERAJAAN UNTUK MEMBAYAR GAJI PEKERJA. -- LAGI  
1835MST 23 11 89

D633

U B672 BAH  
MAHATHIR - RAKYAT 4 ALOR SETAR

MENURUTNYA, PERANGKAAN TERAKHIR MENUNJUKKAN KINI TERDAPAT KIRA-KIRA 700,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN DAN 200,000 ORANG LAGI ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN.

MENGENAI PILIHAN RAYA UMUM, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RAKYAT HARUS MEMASTIKAN BAHAWA KERAJAAN PIMPINAN BARISAN NASIONAL MEMPEROLEHI DUA PERTIGA MAJORITI DI DEWAN RAKYAT.

KATANYA, TANPA DUA PERTIGA MAJORITI, TIDAK ADA MANA-MANA PARTI POLITIK DALAM NEGARA YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI DAPAT MEMBENTUK KERAJAAN YANG STABIL.

PERDANA MENTERI BERKATA, SISTEM DEMOKRASI DI NEGARA INI ADALAH BERBEZA DAN LEBIH BAIK DARIPADA SESETENGAH NEGARA KERANA +KERAJAAN CAMPURAN+ BARISAN NASIONAL MEMPUNYAI SEBUAH PARTI TUNGGAK YANG KUAT, IAITU UMNO.

+PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986, KITA MENDAPAT LEBIH DARIPADA DUA PERTIGA MAJORITI, DAN UMNO SEBAGAI TUNGGAK BARISAN NASIONAL PULA MEMENANGI 84 KERUSI YANG DITANDINGINYA, KECUALI KALAH SATU KERUSI DI LABUAN,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI  
1852MST 23 11 89

D635

U B673 BAH  
MAHATHIR - RAKYAT 5 ALOR SETAR

+INI BERMAKNA UMNO ADALAH PARTI YANG KUAT, DAN DENGAN BANTUAN RAKAN-RAKAN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL, KITA TIDAK TAKUT SEKIRANYA ADA MANA-MANA PARTI KOMPONEN MENARIK DIRI KERANA KITA TIDAK AKAN HILANG MAJORITI DUA PERTIGA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PENARIKAN DIRI LEBIH 16 ANGGOTA DEWAN RAKYAT DARIPADA BARISAN NASIONAL UNTUK MENYERTAI PARTI SEMANGAT 46 SELEPAS TAHUN 1987 JUGA TIDAK SEDIKIT PUN MENJEJASKAN UMNO DAN KERAJAAN.

WAKIL RAKYAT DI NEGARA INI TERDIRI DARIPADA KAUM YANG +LEMAH+ KERANA, +MEREKA TIDAK ADA TENTERA UPAHAN SEBAGAI PEMBELA, TIDAK ADA PISTOL, TIDAK ADA SENAPANG, SEPERTI DI SESETENGAH NEGARA, TETAPI KENAPA KUMPULAN YANG BERSENJATA SEPERTI POLIS DAN TENTERA MEMATUHI ARAHAN MEREKA?+ TANYA BELIAU.

BELIAU BERKATA, SELAGI NEGARA MEMPUNYAI KERAJAAN YANG KUAT, TIDAK AKAN BERLAKU SENGKETA DAN PEMBERONTAKAN TERMASUK ANTARA PASUKAN BERSENJATA SEPERTI YANG BERLAKU DI BEBERAPA NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIBA DI SINI PETANG INI BERSAMA-SAMA ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI UNTUK LAWATAN DUA HARI KE NEGERI INI, TERMASUK MELAWAT TAPAK PEMBINAAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DI SINTOK, KIRA-KIRA 60 KM DARI SINI, YANG DIJADUALKAN ESOK. -- BERNAMA  
1856MST 23 11 89